PENILAIAN AKTIVITI

Secara keseluruhannya para peserta memberikan penilaian pembimbingan konferensi di tahap baik dan sangat baik. Perkongsian yang dilaksanakan secara 2 hala memudahkan para peserta mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam. Penyampaian amat berbeza dan sangat praktikal. Para peserta mengatakan mereka dapat meningkatkan pengetahuan, keyakinan diri dan lebih terbuka di dalam melaksanakan tugas mereka kelak. Peserta lebih yakin menggunakan ilmu yang berterusan terhadap klien iaitu para pelajar. Sesi dilaksanakan lebih berfokus dan bermanafaat.

Antara ulasan peserta adalah:

1. Lebih yakin dalam menjalankan sesi kaunseling,sebelum ini rasa bosan dengan sesi tetapi sekarang lebih jelas, apa yang perlu dibantu (matlamat dalam sesi). Ketahui kesalahan semasa menjalankan sesi dan dapat berkongsi pengalaman dan belajar sewaktu pembentangan kes dijalankan. Dapat menggunakan teknik dan cara yang sesuai untuk bantu murid. Lebih menghargai dan bangga dengan diri kerana dapat bantu ramai murid dengan cara yang betul.
2. Dengan kehadiran ke 6 sesi bengel ini akan menambahkan keyakinan diri dan lebih berkompetensi dalam bidang kerja di sekolah.
3. Setiap slot bengkel ini membantu dan memberi pengetahuan yang amat bermakna kepada saya dalam menjalankan tugas saya dalam membantu anak didik/pelajar di sekolah yang mempunyai pelbagai kes atau masalah.
4. Kursus dijalankan banyak membantu saya sebagai kaunselor memahami perspektif murid. Saya belajar agar tidak menghakimi pelajar mengikut apa yang dilakukan oleh pelajar tetapi pelajar difahami agar mereka selesa untuk berkongsi. Perkongsian dengan rakan kaunselor dapat mengimbau semula kemahiran dan teori yang boleh diterapkan. Keterbukaan fasilitator banyak membantu melalui soalan-soalan terbuka dan membimbing cara kaunselor mengendalikan kes.
5. Perkongsian ilmu dan kemahiran boleh meningkatkan keyakinan diri dalam meningkatkan kualiti kerjaya. Komitmen peserta dan urusetia sangat baik. Menambahkan kemahiran dalam menjalankan sesi.
6. Bengkel ini dapat meningkatkan profesionalisme sebagai kaunselor yang lebih komitmen. Meningkatkan keyakinan diri dalam berhadapan dengan kes-kes yang melibatkan warga sekolah khususnya dan masyarakat luar amnya. Bengkel seperti ini dapat diteruskan kepada rakan-rakan lain pada masa hadapan.

ULASAN / CATATAN PENGANJUR:

Pihak kami amat menghargai perkongsian ilmu dan masa yang diluangkan untuk kami menimba ilmu. Kami amat berharap bengkel seperti ini dapat diteruskan untuk tahun-tahun akan datang. Impak bengkel dapat dilihat kepada para peserta yang lebih yakin melaksanakan sesi sehingga mereka telah berjaya memimpin kelompok sesi guru-guru di dalam 2 program utama unit kami. Pelaksanaan bengkel seperti ini amat luar biasa kaedah dan memberikan kesan kepada para peserta.

Disediakan oleh:
NORAFIZA MOHAMED NOOR
Kaunselor Organisasi PPD Petaling Utama